



KETUA PEGAWAI
(Director General)

JABATAN PEMBANGUNAN WANITA
(Department of Women's Development)

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT
(Ministry of Women, Family and Community Development)

Aras 25, No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya, Malaysia
t. 603 8323 1522 / 1523 f. 603 8323 2031



www.jpw.gov.my

Rujukan Kami : JPW -03/11/42 Jld 7 (3)
Tarikh : 19 Mac 2012

Puan Hajah Normah Mohd Saman
No. 21, Jalan Melati 3,
Taman Melati,
53100 Setapak
KUALA LUMPUR

Puan Hajah,

**KONVENSYEN MAJLIS PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA
(MPWK) BIL.1/2012 PADA 23 HINGGA 24 MAC 2012 DI DEWAN
PERDANA NUR, MENARA KPWKM, PUTRAJAYA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), akan menganjurkan Konvensyen Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) Bil. 1/2012 pada 23 hingga 24 Mac 2012 di Dewan Perdana Nur, Menara KPWKM, Presint 4, Putrajaya. Konvensyen ini akan disempurnakan oleh YB Senator Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

3. Sehubungan itu, Kementerian dengan segala hormatnya menjemput Puan Hajah, untuk menghadiri Konvensyen tersebut. Tentatif atur cara program adalah seperti di Lampiran A.



MS ISO/IEC 17021:2004
QS 001 220012 CD 12

015

(Sila sebutkan rujukan kami bila menjawab surat ini)

4. Untuk makluman Puan Hajah, Penginapan peserta telah diaturkan di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur dan waktu *check-in* adalah mulai jam 3.00 petang pada 23 Mac 2012. Segala tuntutan perlawanan bagi menghadiri Konvensyen ini akan dibiyai melalui Peruntukan Operasi yang diluluskan oleh Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) masing-masing.


5. Bagi melicinkan urusan penganjuran, adalah dipohon kerjasama Puan Hajah, untuk mengesahkan kehadiran melalui Borang Pengesahan Kehadiran di Lampiran B dan mengembalikan semula ke PPWN masing-masing pada atau selewat-lewatnya 21 Mac 2012 (Rabu).

6. Perhatian dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan program ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(WAN HASMAH WAN MOHD)

hasmah@jpw.gov.my

KONVENSYEN
MAJLIS PEMBANGUNAN WANITA & KELUARGA (MPWK)

BIL. 1/2012

23 hingga 24 Mac 2012

Dewan Perdana NUR, Menara KPWKM

ATUR CARA

23 Mac 2012 (Jumaat)

3.00 petang- 6.00 petang	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pendaftaran Pengerusi MPWK Negeri, Timbalan Pengerusi MPWK Negeri dan Pengerusi MPWK Parlimen ➤ <i>Check-in</i> di Hotel Berjaya Times Square
7.00 malam	➤ Makan Malam

24 Mac 2012 (Sabtu)

7.00 pagi	➤ Sarapan Pagi di Hotel Berjaya Times Square
8.00 pagi	➤ Bertolak dari Hotel ke Dewan Perdana NUR
9.00 pagi	➤ Konvensyen Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) Bil 1/2012
12.00 tgh hari	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pelancaran Buku ➤ Makan tengah hari
3.00 petang	➤ Selesai & Bertolak balik ke hotel untuk <i>Check-out</i>

Nota : Bagi peserta yang menaiki kapal terbang, *check-out* boleh dilakukan pada sebelah pagi sebelum ke Dewan Perdana NUR. Pengangkutan akan disediakan di Dewan Perdana NUR ke ke KLIA